

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN 17 (A213)

Saya dapati banyak program kebudayaan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Johor. Bagi memastikan kebudayaan negeri Johor terus berkembang apakah tindakan jangka panjang oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR

1. Setiap negeri sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan unsur seni budayanya. Tanpa budaya, hilanglah ketamadunan negeri tersebut. Begitulah juga dengan Negeri Johor yang kita cintai. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan kebudayaan negeri ini terus berkembang mengharungi peredaran zaman.
2. Untuk itu, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat tentang perkembangan kebudayaan di Negeri Johor selari dengan zaman globalisasi ini. Justeru, beberapa langkah telah diambil bagi memastikan program jangka panjang yang disediakan berjalan dengan sempurna seperti yang dirancang iaitu :-
 - 2.1 Kerajaan Negeri akan meneruskan aktiviti kebudayaan melalui pertandingan-pertandingan bagi mencungkil bakat di kalangan masyarakat atau komuniti peringkat daerah atau negeri seperti Pertandingan Kompang Tradisi.
 - 2.2 Kerajaan Negeri juga mengadakan bengkel yang dapat memberi nilai tambah ekonomi kepada penggiat seni jahitan seperti Bengkel Jahitan Tulang Belut.
 - 2.3 Memulihara dan memperkenalkan warisan budaya melalui bengkel-bengkel kepada masyarakat dan pelancong seperti Bengkel Masakan Tradisi, Bengkel Anyaman Ketupat, Bengkel Jahitan Tulang Belut dan Bengkel Tenun Johor.
 - 2.4 Menambah penguasaan dan kemahiran dalam nyanyian lagu-lagu asli dan ghazal melalui bengkel-bengkel dan pertandingan-pertandingan. Bengkel-bengkel ini terbuka kepada semua masyarakat terutama generasi muda.
 - 2.5 Menyediakan peralatan muzik ghazal di sepuluh (10) daerah bagi tujuan perkongsian pembelajaran permainan alat muzik ghazal. Tujuan diberikan peralatan muzik ini supaya ghazal di setiap daerah dapat dihidupkan terutama generasi muda, belia dan pelajar sekolah.
 - 2.6 Mengadakan jurulatih muzik ghazal dan tarian di semua daerah supaya muzik ghazal dan tarian dapat dikembangkan kepada generasi pelapis.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

- 2.7 Memperkenalkan dan mengantarabangsakan tarian zapin Melayu Johor di Sekolah Antarabangsa Negeri Johor.
 - 2.8 Mengangkat permohonan Tarian Zapin untuk pengiktirafan UNESCO sebagai warisan dunia.
 - 2.9 Menyemai minat kepada permainan tradisional di peringkat generasi muda di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah seperti permainan Congkak, Gasing Pangkah, Diabolo (Yo Yo Cina), Kabaddi, Batu Seremban dan Sepak Raga Bulatan.
 - 2.10 Langkah seterusnya, menghidupkan kembali aktiviti nilai-nilai murni dan semangat gotong-royong masyarakat melalui program Semarak Seni Budaya. Program ini juga memberi peluang dan ruang kepada penggiat seni setempat untuk menyerlahkan bakat.
3. Hasilnya melalui program jangka panjang terhadap perkembangan kebudayaan yang diaturkan, aktiviti seni budaya dapat diterapkan dan disebarluaskan kemahiran sepanjang masa oleh pewaris kepada orang ramai.
 4. Di samping itu, dengan adanya program jangka panjang juga secara tidak langsung dapat memberi pulangan ekonomi kepada Negeri Johor melalui produk pelancongan Negeri Johor.

Dengan kata lain, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kebudayaan Negeri Johor terus berkembang bukan sahaja Seni Untuk Seni tetapi Seni Untuk Ekonomi

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

**YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 18 (A79)**

Sila nyatakan syarikat-syarikat pelabur asing yang telah dibuka di Johor setelah kerajaan PH memerintah?

JAWAPAN TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Pelaburan asing yang telah diluluskan sebagai **projek baru sektor pembuatan** di Johor sehingga setakat ini bermula sejak Jun 2018 berjumlah 37 syarikat dengan nilai pelaburan berjumlah RM18.5 billion.

Johor berjaya menerima pelaburan langsung asing dari negara-negara seperti:

- Singapura – 19 syarikat,
- Amerika Syarikat – 3 syarikat,
- Germany – 2 syarikat,
- China – 4 syarikat,
- Korea – 1 syarikat
- Jepun - 3 syarikat
- Switzerland – 1 syarikat,
- Taiwan – 1 syarikat,
- United Kingdom – 1 syarikat,
- Italy – 1 syarikat, dan
- Hong Kong – 1 syarikat

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 19 (A150)

Berapakah peratus persediaan bagi sukan e-sport yang berlangsung dalam daerah Muar pada sukan SUKMA tahun 2020 serta penglibatan masyarakat setempat.

JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Sukan Malaysia (SUKMA) adalah merupakan temasya sukan terbesar di Malaysia. Seperti mana yang telah diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Bil 2 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Belia dan Sukan pada 19 September 2019 yang lalu, sukan e-sport tidak terkecuali di dalam Temasya SUKMA. Bagi Venue sukan e-sport, kerajaan Negeri telah memutuskan venue penganjuran sukan e-sport adalah di Capital City Mall, Johor Bahru, Johor mengikut ulasan dan persetujuan Ketua Deligasi Teknikal dari Persatuan Sukan Kebangsaan setelah dibuat pemeriksaan. Perkara ini juga telah dimaklumkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Teknikal Bil 2 pada 6 OGOS 2019 bersama Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Negeri-Negeri dan Persatuan-persatuan Kebangsaan.

Persediaan yang dilakukan oleh kerajaan Negeri adalah amat rapi sekali. Ini kerana temasya SUKMA ini merupakan imej kerajaan Negeri. Sebanyak 60% persediaan yang telah dilakukan. Ini termasuklah dari segi persiapan dan keperluan teknikal, persiapan tempat, perancangan di hari pertandingan dan lain-lain.

Bagi penglibatan masyarakat setempat pula, Kerajaan Negeri telah memberi peluang kepada semua masyarakat di Negeri Johor yang ingin terlibat dalam penganjuran SUKMA untuk mendaftarkan diri sebagai sukarelawan sukan. Sebanyak 3 ribu orang sukarelawan yang diperlukan dalam membantu melicinkan urusan penganjuran SUKMA nanti. Penglibatan sukarelawan ini akan diagihkan mengikut venue-venue berdekatan dan keperluan yang dikehendaki setelah dibuat tapisan kasar dan tapisan halus.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 20 (A122)**

Lebuhraya Utara Selatan (Plus) di kawasan Johor semakin sesak. Adakah Kerajaan Johor telah mengemukakan sebarang cadangan untuk pembesarannya?

JAWAPAN TUAN HAJI SOLIHAN BIN BADRI

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Utara Selatan di rancang dan bina berdasarkan Perjanjian Konsesi. Pembinaan lorong tambahan atau pembesaran lebuhraya dari Ayer Hitam ke Johor Baharu tiada di dalam peruntukan Perjanjian Konsesi. Oleh itu, pihak Kerajaan perlu membiayai sepenuhnya kos pembinaan serta mengambilkira kos operasi dan penyelenggaraan bagi cadangan pertambahan lorong atau pembesaran lebuhraya tersebut.

Buat masa ini, masih belum ada cadangan pertambahan lorong atau pembesaran lebuhraya di Lebuhraya Utara Selatan di samping hala tuju Lebuhraya Tol di Malaysia masih belum diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)

SOALAN 21 (A54)

Apakah persediaan dan perancangan kerajaan bagi pelaksanaan cukai karbon (jika bersesuaian) atau sekurang-kurangnya persediaan untuk menjalankan perdagangan karbon (carbon trade)?

JAWAPAN TUAN TAN CHEN CHOON

Selaku agensi penasihat Kerajaan Negeri Johor, Majlis Rendah Karbon Johor (JLCC) akan menjalankan kajian kebolehlaksanaan mekanisme cukai karbon dan perdagangan karbon secara terperinci dengan melibatkan pihak Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Seitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Pusat Kajian Rendah Karbon Asia Universiti Teknologi Malaysia dan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA).

Kedua-dua mekanisme baharu ini memerlukan khidmat dan nasihat daripada pakar daripada agensi-agensi berkaitan bagi memastikan perlaksanaannya kelak tidak berhadapan sebarang kesulitan dan benar-benar sesuai untuk dilaksanakan dalam keadaan semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 22 (A86)

Senaraikan semua penerima bantuan kebajikan yang terkini di DUN Pasir Raja serta jenis dan jumlah amaun bantuan yang diterima oleh mereka melalui Skim Bantuan Zakat?

JAWAPAN TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Jumlah asnaf di kawasan Dewan Undangan Negeri Pasir Raja yang menerima bantuan di bawah skim-skim bantuan Majlis Agama Islam Negeri Johor sehingga Oktober 2019 adalah seramai 357 orang. Ianya melibatkan 7 skim bantuan sebagaimana yang berikut:

BIL	JENIS BANTUAN	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH BANTUAN
1	SARA HIDUP BULANAN	256	77,850.00
2	DIALISIS	36	81,038.00
3	PELBAGAI ONE OFF	14	84,404.80
4	PERUBATAN BULANAN	51	16,850.00
	JUMLAH	357	260,142.80

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 23 (A51)**

Nyatakan harga pasaran sub-sale minimum, maksimum, median dan purata setiap kategori Rumah Mampu Biaya di setiap mukim negeri Johor bagi tahun 2010, 2015, 2019 dan unjuran untuk 2020.

JAWAPAN TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Yang Berhormat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan hanya membuat semakan berkenaan syarat kelayakan dan status pemilikan bagi permohonan pindahmilik (sub-sale) untuk rumah kos rendah sahaja. Sehubungan itu, pentadbiran ini tiada maklumat berkenaan harga pasaran sub-sale minimum, maksimum, median dan purata bagi setiap kategori Rumah Mampu Biaya di Negeri Johor ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)

SOALAN 24 (A132)

Apakah galakan yang telah diberi kepada NGO, Badan Persatuan atau Pertubuhan dalam usaha menyemarakkan aktiviti mereka dalam kerja-kerja sukarelawan, kemasyarakatan atau keselamatan penduduk.

JAWAPAN TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH

Rukun Tetangga adalah satu-satunya organisasi sukarela atau NGO yang bernaung di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 1975. Sehingga kini, terdapat sebanyak 813 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negeri Johor yang berperanan membantu Kerajaan untuk meningkatkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat di peringkat akar umbi sejajar dengan peruntukan dalam Seksyen 8, Akta Rukun Tetangga 2012.

Setiap tahun Kerajaan Persekutuan memperuntukkan geran tahunan kepada KRT yang aktif bagi membantu dari segi pentadbiran dan pengoperasiannya, termasuklah bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti di peringkat komuniti Rukun Tetangga. Di samping itu, Kerajaan Negeri Johor juga menyediakan sebahagian peruntukan untuk merancang lagi aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga samada di peringkat Negeri, Daerah, Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga (JPKRT) dan juga di peringkat KRT.

Sebagai makluman ahli-ahli Dewan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional tidak mempunyai sebarang peruntukan khas untuk disalurkan kepada mana-mana NGO, Badan Persatuan atau Pertubuhan lain untuk menyemarakkan aktiviti mereka. Namun demikian, Jabatan mengambil pendekatan dengan memperbanyakkan jaringan sosial dan kerjasama dengan pelbagai pihak khususnya dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan hidup masyarakat.

Mulai tahun 2019, jaringan sosial ini telah diperluaskan lagi dengan mengenalpasti dan melantik **Rakan Perpaduan sebagai rakan strategik** kepada Jabatan dan juga Rukun Tetangga. Usaha ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti-aktiviti sukarelawan dan perpaduan, tetapi juga dari segi memaksimumkan *value for money* dalam pelaksanaan sesuatu program atau aktiviti.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 25 (A8)**

Mohon dinyatakan secara terperinci penerima insentif kursus perkahwinan percuma sejak diperkenalkan pada September 2018 sehingga kini.

JAWAPAN TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Penerima insentif kursus perkahwinan percuma sejak diperkenalkan pada September 2018 sehingga September 2019 ini adalah sebanyak RM 751,560

Tahun 2018

Daerah	Sep	Okt	Nov	Dis	Jum. Penerima	Jumlah (RM)
B.Pahat	111	109	156	102	478	57,360
Muar	20	26	36	33	115	13,800
Segamat	0	35	10	35	80	9,600
J.Bahru	0	230	465	13	708	84,960
Kluang	60	60	71	72	263	31,560
Pontian	28	35	37	0	100	12,000
K.Tinggi	45	13	0	0	58	6,960
Mersing	23	23	31	14	91	10,920
Kulai	23	57	0	50	130	15,600
Tangkak	3	35	16	8	62	7,440
Jumlah	313	623	822	327	2085	250,200
Jumlah(RM)	37,560	623	98,640	39,240	RM	250,200

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

Tahun 2019

Daerah	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Jum. Penerima	Jumlah (RM)
B.Pahat	85	77	73	124	90	48	62	59	68	686	82,320
Muar	27	35	56	35	20	9	14	26	37	259	31,080
Segamat	19	28	51	30	17	13	12	6	3	179	21,480
J.Bahru	0	384	208	346	84	50	120	156	60	1408	168,960
Kluang	26	29	41	0	148	36	43	43	44	410	49,200
Pontian	0	12	31	77	26	11	18	9	4	188	22,560
K.Tinggi	0	17	66	58	123	14	0	69	78	425	51,000
Mersing	33	26	8	105	8	6	17	19	11	233	27,960
Kulai	25	50	75	25	50	34	20	41	25	345	41,400
Tangkak	4	6	8	12	6	2	1	1	5	45	5,400
Jumlah	219	664	617	812	572	223	307	429	335	4178	501,360
Jumlah RM	26,280	79,680	74,040	97,440	68,640	26,760	36,840	51,480	40,200		RM 501,360

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

YB TUAN GOPALAKRISHNAN SUBRAMANIAM (TIRAM)

SOALAN 26 (A117)

Memandangkan perbelanjaan MPKK meningkat untuk memberi perkhidmatan seperti melawat orang sakit, orang meninggal, bencana alam sekitar dan sebagainya perlu diberi duit keceriaan sebanyak RM5,000 setahun. Apakah pihak berkuasa memandang perkara ini serius.

JAWAPAN TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

PIHAK KPLB TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG PERUNTUKAN BAGI TUJUAN TERSEBUT.

JAWAPAN SUK KHIDMAT PENGURUSAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 14 Ogos 2019 telah bersetuju untuk menaikkan pemberian elaun oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM200 berbanding RM200 diterima sebelum ini, menjadikan jumlah yang diterima kini adalah sebanyak RM400 dari Kerajaan Negeri dan sebanyak RM500 dari Kerajaan Persekutuan ianya adalah lebih tinggi berbanding negeri lain.

Oleh kerana elaun Ketua Kampung baru sahaja dinaikkan oleh Kerajaan Negeri, maka kajian semula berkenaan perkara tersebut akan dibuat dalam tempoh yang lebih sesuai.

Perbelanjaan bagi Bencana alam sekitar di peringkat kampung sentiasa ditangani oleh pihak kerajaan melalui jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pejabat Menteri Besar.

Ketua-ketua kampung diminta berhubung rapat dengan Penghulu dan Pejabat Daerah masing-masing bagi memastikan mereka yang layak untuk diberikan bantuan tidak ketinggalan misalnya melalui bantuan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Kad Sihat dan lain-lain.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 27 (A18)**

Apakah perancangan kerajaan bagi membantu pesawah Kampung Semaloi dan Kampung Air Papan dalam menangani masalah bekalan air yang kurang bagi tujuan penanaman padi?

JAWAPAN TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Bagi menangani masalah bekalan air yang kurang di Sawah Air Papan (74.9 hektar), adalah disyorkan supaya dinaiktaraf tali air. Pada masa yang sama, perlunya dibina laluan air buangan dari Loji Air Congok ke Air Papan. Dicadangkan juga dibina parit konkrit sepanjang 1,000 meter dan membina *skydam* di kaki bukit.

Untuk Sawah Padang Endau (420 hektar) pula, sistem perparitan utama perlu dinaiktaraf daripada jenis tanah kepada parit konkrit sejauh 10,000 meter. Dicadangkan juga perolehan 2 unit pam air untuk kegunaan pengairan di tapak sawah.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 28 (A73)

Minta dinyatakan apakah inisiatif-inisiatif jangka sederhana dan jangka masa pendek di dalam Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 bagi menangani masalah kos sara hidup?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Terima kasih Yang Berhormat Benut, kita semua sedia maklum bahawa Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 merupakan dokumen rujukan yang kompehesif bagi memulakan pembangunan Negeri Johor yang dinamik serta memastikan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan kepada Kerajaan Negeri Johor.

Kos sara hidup merupakan antara fokus Pembangunan Mampan Johor 2019 - 2030 seperti dalam teras 2 iaitu Demokrasi Dinamik dan Kesaksamaan Sosial.

Justeru, kerajaan negeri telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan rakyat di Negeri Johor sentiasa diberi pembelaan.

Antara inisiatif tersebut :

- i. meningkatkan ekonomi rakyat,
- ii. mengurangkan bebanan dalam perbelanjaan keperluan rakyat,
- iii. memberikan bantuan sewajarnya kepada golongan sasaran seperti miskin, miskin tegar dan nelayan
- iv. membantu rakyat untuk memiliki kediaman.

Selain itu, **pelbagai program intervensi juga dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi menangani masalah kos sara hidup rakyat iaitu** menambahkan bilangan pasar tani di setiap daerah.

Penambahan pasar tani ini akan memberikan manfaat kepada usahawan tani serta memberikan peluang kepada rakyat untuk membeli keperluan harian yang segar dan pada harga yang lebih berpatutan.

Kerajaan juga akan meneruskan pengecualian bayaran lesen penjaja di seluruh negeri Johor yang disasarkan memberi manfaat kepada 3,000 penjaja.

Selain itu, kerajaan negeri juga akan memperkasa golongan usahawan dan koperasi. Inisiatif seperti Geran Orang Lokal (GOL 2.0), Koperasi Komuniti Johor, Penambahan Kedai Koperasi Harga Patut, Koperasi Belia dan Azam Usahawan Muda Johor akan dapat membantu golongan ini untuk meningkatkan ekonomi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

Bagi mengurangkan perbelanjaan keperluan rakyat, kerajaan akan melaksanakan program Bank Makanan Johor serta menganjurkan Karnival Jualan Mega Johor. Program ini disasarkan kepada golongan B40. Selain itu, kerajaan negeri juga akan memperbanyakkan program Pertanian Bandar untuk memberi galakan kepada masyarakat di bandar menanam sendiri sayur-sayuran di kediaman dan kawasan komuniti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspek kesihatan rakyat juga akan diberikan perhatian dengan pelaksanaan Program Kad Sihat Johor serta Skim Takaful Warga Emas.

Kerajaan negeri akan meneruskan Skim Air Percuma sebanyak 10 meter padu kepada golongan B40.

Pelajar yang memasuki Institut Pengajian Tinggi dalam kalangan keluarga B40 juga akan diberikan insentif.

Program-program yang dinyatakan ini juga merupakan akujanji kerajaan Negeri Johor yang pro rakyat dipimpin oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Isu perumahan juga menjadi perhatian kerajaan negeri. Justeru, **beberapa skim telah dirangka bagi memastikan rakyat dapat hidup dalam persekitaran yang lebih kondusif dan selesa.**

Antaranya :-

- i. Skim Perumahan Prihatin Johor,
- ii. Skim Perumahan Belia Johor,
- iii. Rumah Mampu Biaya Johor,
- iv. Rumah Mesra Rakyat Johor,
- v. Insentif pemberian baucar, pemberian diskaun 20% pengurangan tunggakan rumah sewa PPR
- vi. Pelaksanaan Dasar Komuniti Negara dan Program Prihatin PPR.

Kerajaan negeri juga akan meneruskan Program Bantuan Rumah kepada golongan miskin dan miskin tegar.

Sebagai sebuah kerajaan yang pro-rakyat, kerajaan negeri amat serius malah komited dalam meringankan bebanan rakyat yang berdepan kos sara hidup yang tinggi. Oleh itu, Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019 -2030 merupakan dokumen rujukan yang meletakkan perancangan kepada usaha bagi tujuan tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)

SOALAN 29 (A141)

Minta penjelasan kerajaan pusat yang telah membentangkan bajet tahunan negara 2020. Nyatakan jumlah peruntukan pembangunan yang bakal dinikmati oleh Johor dan perincian setiap projek mengikut daerah.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Terima Kasih Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Rengit mengenai peruntukan yang bakal dinikmati oleh Johor dalam Belanjawan 2020 dari Kerajaan Pusat.

Untuk makluman YB Rengit, berdasarkan senarai projek yang diedarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada **1 November 2019**, sebanyak **425 projek/program** dengan kos keseluruhan **RM30.31 bilion** telah diperuntukkan untuk negeri Johor.

Daripada jumlah ini, **46 projek/program bersamaan 10.82 peratus dengan kos keseluruhan RM1.56 bilion** adalah dalam kategori **projek baharu**.

Manakala **baki 379 projek/program bersamaan 89.18 peratus dengan kos keseluruhan RM28.75 bilion** dalam kategori **sambungan**.

Bagaimanapun, maklumat terperinci program/projek mengikut daerah **belum diedarkan secara rasmi** oleh pihak MEA kepada semua negeri.

Secara keseluruhannya, kerajaan persekutuan melalui Rolling Plan 4 (2020) Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK-11) memperuntukkan siling sebanyak RM2.137 bilion kepada Negeri Johor pada tahun 2020.

Sebanyak RM46.94 juta diperuntukkan untuk pembangunan projek baharu yang melibatkan sejumlah 46 projek, manakala 379 projek merupakan projek sambungan dengan peruntukan sebanyak RM2.09 bilion.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

Untuk makluman Yang terhormat Rengit berikut merupakan maklumat peruntukan mengikut daerah:

DAERAH	JUMLAH PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
JOHOR BAHRU	87	874,965,100
MUAR	42	295,178,450
SEGAMAT	27	111,269,300
KLUANG	33	70,845,500
BATU PAHAT	58	93,428,200
PONTIAN	22	33,188,500
KOTA TINGGI	67	293,640,850
MERSING	16	22,946,600
KULAI	18	49,261,900
TANGKAK	10	13,050,000
PELBAGAI	45	278,897,200
JUMLAH	425	RM2.137 bilion

Kerajaan Negeri Johor mengucapkan terima kasih atas peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat untuk pembangunan Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 30 (A173)

Terdapat banyak kawasan berisiko untuk dilanda banjir. Adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan mengatasi masalah ini dan berapa jumlah peruntukan dikhususkan bagi menghadapi bencana ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti yang kita maklum negara sedang mengalami Monsun Timur Laut (musim tengkujuh) yang bermula pada 24 Oktober 2019 dan dijangka sehingga Mac 2020. Berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia, dalam tempoh musim tengkujuh kali ini, negara dijangka akan menerima empat (4) sehingga enam (6) episod luruan monsun yang membawa hujan lebat yang berterusan.

Negeri-negeri yang dijangka mengalami hujan lebat monsun:

BULAN	NEGERI
November 2019	Kelantan, Terengganu & Utara Semenanjung
Disember 2019	Kelantan, Terengganu, Pahang & Johor Timur
Januari 2020	Johor Timur, Pahang & Barat Sarawak
Februari 2020	Barat Sarawak

Untuk makluman Yang Berhormat Sri Medan, Kerajaan Negeri sentiasa bersedia dan mengambil langkah awal dalam menghadapi sebarang kemungkinan. Antara langkah awal yang telah diambil adalah:

i) Latihan Kesiapsiagaan Awam

Sehingga September 2019, seramai 21,285 orang telah melibatkan diri dalam latihan kesiapsiagaan ini, menjadikan jumlah keseluruhan penyertaan seramai 126,456 orang peserta sejak tahun 2013.

Pihak APM sentiasa melakukan aktiviti secara berterusan dengan menasaskan sebanyak 10% daripada penduduk Negeri Johor untuk terlibat sama dalam latihan kesiapsiagaan ini.

Selain itu, pada 23 Oktober 2019 yang lalu, Latihan Persediaan Menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2019/2020 Peringkat Negeri Johor telah diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak. Objektif penganjuran latihan ini adalah untuk meningkatkan persefahaman serta memantapkan peranan dan tanggungjawab setiap agensi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan bencana.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

ii) Jumlah Pusat Pemindahan di Negeri Johor

Bilangan pusat pemindahan banjir yang terdapat di Negeri Johor adalah sebanyak 674 pusat pemindahan dengan kapasiti 180,831 orang mangsa boleh ditempatkan dalam satu-satu masa.

Daripada keseluruhan pusat pemindahan tersebut, sebanyak 375 pusat pemindahan terdiri daripada sekolah-sekolah dengan kapasiti seramai 122,330 orang mangsa.

Seterusnya, sebanyak 297 pusat pemindahan adalah terdiri daripada dewan orang ramai, balai raya dan pusat komuniti dengan dengan kapasiti seramai 59,931 orang mangsa.

Untuk maklum, kesemua pusat pemindahan ini telah sedia untuk di gunakan sekiranya di buka semasa bencana.

iii) Keanggotaan dan aset-aset agensi penyelamat di Negeri Johor

Sebagai langkah awal menghadapi bencana ini, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan keperluan fasiliti menyelamatkan berada keadaan baik dan siapsiaga

Maka, untuk makluman Yang Berhormat, bilangan anggota penyelamat yang terdiri daripada pelbagai agensi seperti PDRM, BOMBA, APM, ATM dan Jabatan Kesihatan Negeri adalah seramai 5,909 anggota.

Selain itu, kelengkapan aset yang boleh digerakkan oleh agensi penyelamat adalah lori sebanyak 68 buah, bot sebanyak 142 buah, serta jaket keselamatan sebanyak 2,277 helai.

Peruntukan ini akan disalurkan terus melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan).

Seterusnya, untuk makluman Yang Berhormat, bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) pada kali ini, pihak NADMA telah memperuntukan sebanyak **RM 20,000.00** untuk kegunaan setiap daerah di Negeri Johor ini dengan jumlah keseluruhan sebanyak **RM 200,000.00**.

Sehubungan itu, pihak Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya terdapat permohonan daripada pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) berkenaan keperluan menggunakan peruntukan Tabung Bencana Negeri bagi menangani bencana. Dimaklumkan bahawa, baki peruntukan tabung bencana negeri adalah sebanyak **RM 3.2 juta**.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 31 (A10)

Apakah Kerajaan Negeri merancang untuk meneruskan Tabung Kemahiran Latihan Johor yang pernah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri yang lepas untuk membantu warga Felda dan mohon dinyatakan tindakan dan perancangan seterusnya?

JAWAPAN TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Parit Raja, sebagaimana makluman, Kerajaan Negeri telah meneruskan pelaksanaan Tabung Kemahiran Latihan Johor dengan penambahbaikan pada tahun 2019 menerusi Unit Strategik Modal Insan Johor (Unit SMI) dan Yayasan Pelajaran Johor.

Sebagaimana makluman, Tabung Latihan Kemahiran Johor (TLKJ) telah ditambah baik melalui Johor Upskilling and Reskilling menerusi Unit SMI untuk melaksanakan kemahiran yang berteraskan keperluan industri. Program ini juga mendapat kerjasama antara Unit Strategik Modal Insan Johor bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Badan-Badan Professional dari segi penyelaraskan modul dan pensijilan serta Jabatan Tenaga Kerja melalui JobsMalaysia dari segi peluang-peluang pekerjaan dan keperluan industri. Program ini dirancang berdasarkan kehendak dan keperluan semasa industri yang seterusnya peserta memperoleh pekerjaan sebaik sahaja tamat latihan dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di Negeri Johor.

Seramai 136 orang peserta yang terdiri daripada golongan B40 dan luar bandar yang merangkumi 10 daerah di Negeri Johor telah menerima manfaat di bawah program Johor Upskilling dan Reskilling yang terdiri daripada enam program iaitu Kursus Pemasang Perancah, Kursus Penyelamat Kelemasan, Kursus Kimpalan 6G, Kursus Penyelia Keselamatan Tapak Bina, Kursus Pendawaian Elektrik dan Kursus Operasi Servis Makan dan Minum. Kesemua peserta di bawah program ini telah mendapat penempatan pekerjaan di industri yang terpilih selepas tamat kursus selama satu hingga dua bulan sehingga menerima Sijil Professional daripada Badan-Badan Professional Malaysia mahupun Antarabangsa dan mempunyai 100% kadar kebolehpasaran. Seramai 27 majikan terlibat dalam menjayakan bersama program anjuran Unit SMI ini.

Manakala, menerusi Yayasan Pelajaran Johor, di bawah dana Tabung Latihan Kemahiran YPJ, seramai 350 orang peserta telah menerima bantuan yuran pengajian sebanyak RM 2,000.00 setiap orang bagi mendapat taraf pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM).

Secara keseluruhannya, seramai 486 belia Johor telah menerima manfaat daripada pelaksanaan program Latihan Kemahiran anjuran Unit SMI dan YPJ. Bagi perancangan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

di masa akan datang, Kerajaan Negeri Johor melalui Unit Strategik Modal Insan Johor akan meneruskan Johor Upskilling and Reskilling dengan menumpukan industri daripada sektor-sektor tumpuan Negeri Johor dan saya berharap akan lebih ramai yang akan menyertai program ini berikutan sambutan dan permintaan yang amat menggalakkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)

SOALAN 32 (A138)

Apakah usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan minat kepada bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) memandangkan peratusan murid bidang STEM di sekolah telah menurun ke 44% pada 2019 serta insentif-insentif menggalakkan penglibatan institusi-institusi pendidikan bagi memberi fokus kepada aliran STEM?

JAWAPAN TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Tahun 2016:

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memperkenalkan Program Bitara STEM untuk meningkatkan penglibatan pelajar berumur 13-14 tahun di dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) agar dapat bersaing dalam ekonomi abad ke-21.

UKM dengan kerjasama **Kerajaan Negeri Johor** dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah melatih seramai 44 orang guru bidang STEM dalam penghasilan Model Bandar Pintar (*Smart City*) berteraskan kepada 4 modul iaitu Modul Tenaga, Modul Pengangkutan, Modul Infrastruktur Bandar dan Modul Komunikasi Tanpa Wayar. Latihan tersebut telah berlangsung di Hotel Katerina, Batu Pahat, Johor.

Tahun 2017:

Program Bitara STEM UKM diteruskan dengan memberi latihan 176 orang murid menengah rendah seluruh Johor dalam kemahiran STEM menggunakan Modul Bitara STEM. Latihan dilaksanakan di Savanna Hill Resort, Ulu Tiram, Johor.

Pertengahan tahun 2017:

Kerajaan negeri Johor meluluskan peruntukkan dalam bidang pendidikan untuk pembangunan aktiviti STEM dan tugas tersebut dipertanggungjawabkan kepada Sektor Pengurusan Akademik, JPN Johor. Hasilnya, seramai 1068 orang guru bidang STEM seluruh Johor telah dilatih dalam kemahiran STEM yang menggunakan 4 Modul Bitara STEM UKM. Guru-guru yang dilatih telah melaksanakan pelbagai program STEM diperingkat sekolah untuk menarik minat murid dalam menceburi bidang STEM, terutamanya dalam pembinaan Model Bandar Pintar (*Smart City*).

Tahun 2019:

Kerajaan negeri Johor memberi peruntukkan bidang pendidikan melalui Akaun Amanah JPN Johor untuk meneruskan latihan STEM kepada 220 orang guru bidang

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

STEM dan 880 orang murid di sekolah rendah seluruh Johor. Fokus latihan adalah kepada aplikasi pemrograman (*Coding*) yang banyak digunakan dalam bidang robotik iaitu Arduino dan juga lain-lain kemahiran-kemahiran seperti Scratch, Pembinaan Model 3D dan juga Pencetakan 3D.

Selain itu, Pertandingan *Johor Robotic School Challenge* 2019 yang terbuka kepada semua murid Sekolah Rendah & Sekolah Menengah di Johor akan diadakan pada 22 dan 23 November 2019 merupakan pertandingan julung-julung kali seumpamanya yang dibuat di Negeri Johor dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, *1st Sustainable Development Goals International Camp 2019, Malaysia Society of Engineering & Technology (Southern), Malaysia National Computing Confederation (MNCC), Centre for Artificial Intelligence and Robotics UTM (CAIRO UTM)* dan semua Pejabat Pendidikan Daerah.

Tambahan pula, Pelancaran Inisiatif STEM Johor dan Pelancaran Persatuan STEM-J telah diadakan pada 10 November 2019 di Sutera Mall, JB yang dirasmikan oleh YB Hj Aminolhuda bin Hj Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi Negeri Johor bakal menyemarakkan lagi Pendidikan STEM di negeri Johor. Persatuan STEM-J yang dinaungi oleh Dr Mohd Azlan bin AB Jalil dan dipengerusikan oleh En Junit bin Yasir, akan bekerjasama dengan **Kerajaan Negeri Johor**, JPN Johor, IPTA, IPTS, NGO, pihak industri dan pelbagai agensi lain untuk meningkatkan kemahiran STEM dalam kalangan warga pendidik, murid-murid dan masyarakat negeri Johor. Sementara, Inisiatif STEM Johor merupakan satu perancangan jangka masa panjang aktiviti STEM di negeri Johor untuk memastikan semua murid (Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah) di negeri ini menguasai ilmu dan kemahiran STEM.

Inisiatif STEM Johor Tahun 2020:

1. PROGRAM MENTOR MENTEE STEM-J

Melibatkan latihan dan bimbingan kemahiran STEM (aktiviti *hands on*) kepada 30 murid Tahap 2 (Sekolah Rendah) dan 60 murid peringkat menengah rendah (Sekolah Menengah) di setiap sekolah seluruh negeri Johor.

2. MODUL STEM-J

Pembinaan Modul STEM yang melibatkan guru cemerlang, Jurulatih Utama STEM-J, pensyarah IPTA, pensyarah IPG, pihak NGO dan pihak Industri. Modul tersebut akan digunakan oleh semua sekolah di negeri Johor sebagai satu panduan/ rujukan khusus berkenaan pelaksanaan aktiviti/ program STEM di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)

SOALAN 33 (A104)

Setakat ini, berapa banyakkah SJKT telah menerima manfaat dari inisiatif menaik taraf sekolah yang telah diumumkan seperti di dalam Belanjawan Johor 2019 lalu?

JAWAPAN TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Sebanyak 68 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil telah menerima manfaat dari inisiatif menaiktaraf sekolah yang telah diumumkan seperti di Belanjawan Johor 2019

Bil	Kod Sekolah	Nama Sekolah	PPD
1.	JBD0050	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) SRI GADING	PPD BATU PAHAT
2.	JBD0051	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) SERI PELANGI	PPD BATU PAHAT
3.	JBD0058	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG YONG PENG	PPD BATU PAHAT
4.	JBD1001	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) JALAN YAHYA AWAL	PPD JOHOR BAHRU
5.	JBD1004	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG TEBRAU	PPD PASIR GUDANG
6.	JBD1005	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG MOUNT AUSTIN	PPD PASIR GUDANG
7.	JBD1006	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) PERMAS JAYA	PPD PASIR GUDANG
8.	JBD1007	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG SG PLENTONG	PPD PASIR GUDANG
9.	JBD1008	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) MASAI	PPD PASIR GUDANG
10.	JBD1009	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) PASIR GUDANG	PPD PASIR GUDANG
11.	JBD1010	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) DESA CEMERLANG	PPD PASIR GUDANG
12.	JBD1011	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG ULU TIRAM	PPD PASIR GUDANG
13.	JBD1022	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG RINI	PPD JOHOR BAHRU
14.	JBD1025	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) GELANG PATAH	PPD JOHOR BAHRU
15.	JBD1026	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) TAMAN TUN AMINAH	PPD JOHOR BAHRU
16.	JBD1027	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN	PPD KULAI

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

		(TAMIL) KANGKAR PULAI	
17.	JBD2033	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG LAYANG	PPD KLUANG
18.	JBD2034	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG ULU REMIS	PPD KLUANG
19.	JBD2035	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG TUN DR ISMAIL	PPD KLUANG
20.	JBD2036	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG SEMBRONG*	PPD KLUANG
21.	JBD2037	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) JALAN BUKIT RENGAM	PPD KLUANG
22.	JBD2038	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG SIMPANG RENGAM	PPD KLUANG
23.	JBD2039	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG SOUTHERN MALAY	PPD KLUANG
24.	JBD2041	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG BUKIT BENUT	PPD KLUANG
25.	JBD2042	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG LAMBAK	PPD KLUANG
26.	JBD2043	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG ELAEIS	PPD KLUANG
27.	JBD2044	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) JALAN HAJI MANAN	PPD KLUANG
28.	JBD2045	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG MENGGKIBOL	PPD KLUANG
29.	JBD2046	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG PAMOL	PPD KLUANG
30.	JBD2047	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) KAHANG BATU 24	PPD KLUANG
31.	JBD2048	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG NIYOR	PPD KLUANG
32.	JBD2049	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) CEP.NIYOR KLUANG	PPD KLUANG
33.	JBD2053	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) JALAN SETESYEN PALOH	PPD KLUANG
34.	JBD3014	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG REM	PPD KOTA TINGGI
35.	JBD3015	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) JALAN TAJUL	PPD KOTA TINGGI
36.	JBD3016	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG PASAK	PPD KOTA TINGGI

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

37.	JBD3017	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LDG PELEPAH	PPD KOTA TINGGI
38.	JBD3018	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LDG. NAM HENG	PPD KOTA TINGGI
39.	JBD3019	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LDG TELUK SENGAT	PPD KOTA TINGGI
40.	JBD3020	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LDG SUNGAI PAPAN	PPD KOTA TINGGI
41.	JBD4021	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) MERSING	PPD MERSING
42.	JBD5080	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) JALAN KHALIDI	PPD MUAR
43.	JBD5084	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG LANADRON	PPD MUAR
44.	JBD5087	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG BAN HENG	PPD MUAR
45.	JBD5088	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG TEMIANG RENCHONG	PPD MUAR
46.	JBD6027	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) JALAN PARIT IBRAHIM	PPD PONTIAN
47.	JBD7057	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) BEKOK	PPD SEGAMAT
48.	JBD7061	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LABIS	PPD SEGAMAT
49.	JBD7063	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG VOULES	PPD SEGAMAT
50.	JBD7067	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) BANDAR SEGAMAT*	PPD SEGAMAT
51.	JBD7068	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG SG MUAR	PPD SEGAMAT
52.	JBD7069	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LDG SG SENARUT	PPD SEGAMAT
53.	JBD7070	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) BATU ANAM	PPD SEGAMAT
54.	JBD7071	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG GOMALI	PPD SEGAMAT
55.	JBD7072	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG FORTROSE	PPD SEGAMAT
56.	JBD7073	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG NAGAPPA	PPD SEGAMAT
57.	JBD7074	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) CANTUMAN CHAAH	PPD SEGAMAT

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019**

58.	JBD8004	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG KULAI BESAR	PPD KULAI
59.	JBD8005	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG KELAN	PPD KULAI
60.	JBD8006	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG KULAI OIL PALM	PPD KULAI
61.	JBD8007	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG SEDENAK	PPD KULAI
62.	JBD9001	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) JALAN SIALANG	PPD TANGKAK
63.	JBD9002	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG BEKOK	PPD TANGKAK
64.	JBD9003	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG NORDANAL	PPD TANGKAK
65.	JBD9004	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG BUKIT SERAMPANG	PPD TANGKAK
66.	JBD9005	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG SAGIL	PPD TANGKAK
67.	JBD9006	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG TANAH MERAH	PPD TANGKAK
68.	JBD9007	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG TANGKAK	PPD TANGKAK